

# **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN EDDIN SYAZLEE SHITH**

**TIMBALAN MENTERI**

**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA  
(KKMM)**

**SEMPENA**

**PROGRAM ASPIRASI MERDEKA 2019**

**BERTEMPAT DI**

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENGIRAN OMAR 2,  
SIPITANG, SABAH**

**25 OGOS 2019 (AHAD)**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabaratu,

Salam Sejahtera dan Salam ASPIRASI MERDEKA RTM 2019.

[RUJUK SALUTATION]

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam Program ASPIRASI MERDEKA 2019, anjuran Jabatan Penyiaran Malaysia di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pengiran Omar 2, di Sipitang, Sabah ini.
2. Saya percaya majlis ini merupakan acara yang bersejarah bukan sahaja kepada pelajar-pelajar dan guru-guru Daerah Sipitang dan Daerah Beaufort, malah penduduk sekitar, warga RTM dan rakan-rakan strategik seperti Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Pejabat Daerah Sipitang.
3. Saya juga percaya bahawa program Aspirasi Merdeka ini dapat menyemai semangat cinta akan negara selain memperlihatkan persefahaman dan perpaduan kita bersama sebagai rakyat Malaysia.

## **Kibarkan Jalur Gemilang**

Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan,

4. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) selaku Jawatankuasa Induk Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 sentiasa komited dalam menyemarakkan rasa cinta akan negara bersempena sambutan Bulan Kebangsaan ini.
5. Saya menyeru agar setiap rakyat Malaysia tidak kira di bandar atau di desa bersama-sama meraikan Bulan Kebangsaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, pejabat, premis perniagaan, kenderaan dan tempat-tempat bersesuaian dengan penuh rasa bangga bahawa 'Malaysia ini Kita Punya'.
6. Program-program berteraskan Jalur Gemilang seperti Kayuhan Santai, Larian Jalur Gemilang dan edaran Jalur Gemilang juga seharusnya dijadikan sebagai aktiviti wajib bagi setiap Pejabat Daerah atau badan-badan pertubuhan khususnya melibatkan belia dan remaja.
7. Saya juga ingin menyeru agar setiap Jalur Gemilang yang lama, usang dan koyak dapat digantikan dengan yang baharu bagi memberikan imej yang positif terhadap Jalur Gemilang sebagai lambang kedaulatan Negara.

## **Semangat Patriotisme**

Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan,

8. Program Aspirasi Merdeka anjuran RTM ini bertujuan untuk memberikan kefahaman dan penghayatan baharu kepada para pelajar tentang pentingnya semangat patriotisme.
9. Elemen-elemen belajar sambil bermain, pertandingan santai selain hiburan berinformasi yang dibawakan oleh ikon-ikon dan penyampai RTM ini pastinya memberikan pengalaman baharu kepada para pelajar untuk lebih memahami nilai-nilai murni negara bangsa.
10. Namun dalam menyemai semangat patriotisme ini, cabaran utama pastinya melibatkan kepantasan teknologi maklumat yang membolehkan pelbagai maklumat dari seluruh pelosok dunia diakses di hujung jari oleh generasi kini sehingga mendedahkan mereka kepada pelbagai ancaman siber.
11. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada semua pelajar agar berhati-hati dan prihatin kepada isu sensitif dalam menyebarkan atau berkongsi maklumat di media sosial yang tidak diketahui kesahihan khususnya isu-isu agama, bangsa, institusi beraja atau apa-apa juga topik yang boleh mencetuskan konflik agar keamanan negara kita sentiasa terkawal dan dilindungi.
12. Justeru, penerapan semangat cinta akan negara bangsa dalam kalangan pelajar dan usaha mempertahankan keharmonian Malaysia adalah amat penting sekali dalam melahirkan generasi pelapis yang akan mengemudi Negara pada masa hadapan.

Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan,

13. Sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada RTM atas penganjuran program ini.
14. Tahniah juga diucapkan buat para pelajar dan guru-guru pembimbing atas inisiatif dan kesungguhan untuk menyertai program Aspirasi Merdeka ini sejak awal pagi tadi.
15. Akhir kata, Selamat menyambut Bulan Kebangsaan, Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia saya ucapkan kepada semua rakyat Malaysia.

Wabillahi taufik wal hidayah.

Wasalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih